

# Pemerkasaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali  
Salinah Ja'afar

## ABSTRAK

Makalah ini menganalisis bagaimana para pengarang novel menerapkan unsur-unsur pembentukan akhlak Islamiah dalam karya mereka. Sumber kajian makalah ini adalah beberapa buah novel terkenal di Malaysia, iaitu *Badai Semalam*, *Andai Semalam Kumiliki*, *Bukan Puteri Lindungan Bulan*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Ombak Rindu*, *Ayat-ayat Cinta*, dan *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Didapati secara keseluruhannya para pengarang novel-novel tersebut menerapkan unsur-unsur, antara lain, akidah, solat, tawakal, syarak, menghormati sesama insan dan menjaga tatatertib dalam hubungan sesama Islam dalam karya mereka sebagai cara pembentukan akhlak Islamiah dalam kalangan pembaca.

Kata kunci: Penerapan, akhlak, tawakal, saling menghormati, menjaga tatatertib.

## ABSTRACT

This paper analysis how the novelist interpolated Islamic morality development into their writings. The sources of analysis are some of prominent novels in Malaysia, namely *Badai Semalam*, *Andai Semalam Kumiliki*, *Bukan Puteri Lindungan Bulan*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Ombak Rindu*, *Ayat-ayat Cinta*, and *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. It is found that in general the authors inserting, among others, the unity of God, prays, submission to God, mutual respect among people and discipline elements into their writings as a way to develop Islamic morality among the readers.

Keywords: Interpolated, morality, submission to God, mutual respect among people, discipline elements.

## Pendahuluan

Makalah ini meneliti bagaimana pembentukan akhlak Islamiah dapat diterapkan ke dalam jiwa pembaca melalui tema-tema Islam yang dapat dilihat dalam beberapa buah novel yang dipilih, iaitu *Badai Semalam*, *Andai Semalam Kumiliki*, *Bukan Puteri Lindungan Bulan*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Ombak Rindu*, *Ayat-ayat Cinta*, dan *Hari-hari Terakhir Seorang*

*Seniman.* Pemilihan novel-novel ini dibuat berdasarkan tema-temanya relevan dengan kehidupan umat Islam. Analisis yang dibuat akan dikhususkan kepada pemilihan diksi dan penceritaan oleh pengarang dalam membantu pembentukan akhlak Islamiah dalam kalangan pembaca. Makalah ini akan membincangkan mengenai aspek akhlak dalam Islam yang juga merangkumi perbincangan dan huraian ringkas tentang aspek-aspek akidah dan syarak. Perbincangan akhlak diteliti dengan mendalam kerana aspek akhlak didapati lebih menyumbang ke arah pembinaan modal insan secara umum dan menyeluruh.

## Akhhlak dalam Islam

Akhhlak Islam dapat ditakrif sebagai satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Akhlak ialah satu sistem yang menilai perbuatan zahir dan batin manusia baik secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi hidup antara manusia dengan Allah, manusia dengan manusia, manusia dengan alam, malaikat dan jin. Akhlak merupakan satu daripada tiga komponen asas Islam, iaitu akidah, syarak dan akhlak sendiri. Pembentukan sikap dan akhlak manusia akan mencerminkan keperibadian manusia itu dalam kehidupan bermasyarakat. Boleh dikatakan bahawa dengan adanya tiga asas utama ini dalam diri seseorang sedikit sebanyak dapat membentuk satu keperibadian yang tinggi dan menjadikan seseorang individu itu sama ada individu yang baik maupun sebaliknya.

Makalah ini akan membincangkan mengenai aspek akhlak dalam Islam yang juga merangkumi perbincangan dan huraian ringkas tentang aspek-aspek akidah dan syarak. Perbincangan akhlak diteliti dengan mendalam kerana aspek akhlak didapati lebih menyumbang ke arah pembinaan modal insan secara umum dan menyeluruh.

## Akidah

Akidah merangkumi dua bahagian penting iaitu iman dan takwa. Rasulullah SAW mengambil masa 13 tahun semasa berada di Mekah atau sebelum berhijrah ke Madinah semata-mata untuk membina akidah atau tauhid umat Islam. Demikian juga halnya dengan Al-Quran yang mengandungi, pada keseluruhannya, ajaran akidah yang diturunkan dalam tempoh 13 tahun itu. Sehingga ayat-ayat yang diturunkan di

Mekah dikenali dengan ayat-ayat Makkiyah pada umumnya berlegar sekitar pembinaan iman dan takwa umat Islam. Sedangkan ajaran syarak kebanyakannya diturunkan selepas hijrah sehingga dikenali dengan ayat-ayat Madaniah. Begitulah pentingnya akidah atau tauhid sebagai asas Islam pada keseluruhannya dan budi bahasa Islam secara khusus (Hamka 1976: 1-9).

Iman dan takwa menjadi pelindung kepada manusia terhadap godaan iblis dan syaitan. Orang yang beriman dan bertakwa akan yakin bahawa apa jua yang dimilikinya adalah milik Allah SWT dan merupakan amanah Allah SWT kepada manusia. Semua yang ada tertakluk kepada qadak dan qadar daripada-Nya. Manusia beriman akan sentiasa menjaga dirinya, lidahnya, hartanya yang akan digunakan dalam penglihatan dan pendengaran Allah SWT. Di akhirat kelak, seluruh anggota badan terutama lidah dan mulut akan menjadi saksi tentang segala perbuatan, perlakuan, tindakan dan tutur kata di hadapan Allah SWT. Keimanan kepada tauhid ini dalam erti kata lain bertanggungjawab secara langsung menjadikan seorang itu dermawan, berakhlaq mulia dan berhati-hati dalam tutur katanya agar tidak melanggar titah perintah Allah SWT. Sehubungan dengan itu Allah SWT berfirman (terjemahan):

Pada waktu itu Kami materikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka lakukan (Surah Yasin: 35-36).

Selepas iman, takwa secara khusus bertanggungjawab menjadi tunggak kekuatan budi bahasa Islam. Takwa dalam erti kata yang ringkas boleh didefinisikan sebagai perasaan takut kepada Allah SWT. Dengan perasaan takut tersebut, seseorang itu lebih berhati-hati dan berwaspada untuk mematuhi segala titah perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Takwa merupakan asas yang kukuh yang menjadikan seseorang itu tidak akan dapat ditundukkan oleh godaan iblis dan syaitan dan hawa nafsunya sendiri. Sifat takwa menjadi sumber kepada pembentukan sifat-sifat terpuji yang utama seperti berbudi bahasa, dermawan, ikhlas, berani, jujur, benar, adil, amanah, setia, penyayang dan sabar.

Merujuk novel-novel yang diteliti, unsur akidah juga merupakan satu aspek penting yang diterapkan oleh pengarang dalam karya masing-masing. Misalnya dalam novel *Ayat-ayat Cinta*, oleh Habiburrahman, pengarang berupaya menggarap kreativiti beliau dalam memasukkan kefahaman tentang peri pentingnya menjaga akidah bagi umat Islam. Sifat cintakan keimanan telah dimasukkan oleh pengarang seawal bab

pertama, seperti dalam teks berikut:

Panggilan azan Zuhur dari ribuan menara yang bertebaran seantero kota hanya mampu menggugah dan menggerakkan hati mereka yang benar-benar tebal imannya. Mereka memiliki tekad beribadah sesempurna mungkin dalam segala musim dan cuaca, seperti karang yang tegak berdiri dalam terjangan ombak, terpaan badai, dan sengatan matahari. Ia tidak kenal resah, tetap teguh berdiri seperti yang dititahkan Tuhan sambil bertasbih siang malam. Atau, seperti matahari yang telah jutaan tahun telah membakar tubuhnya untuk memberikan penerangan ke bumi dan seantero mayapada. Ia tidak pernah mengeluh, tiada pernah mengerang sedetik pun menjalankan titah Tuhan” (Hal. 19-20: VI). “Hari ketika manusia digiring di padang Mahsyar dengan matahari hanya satu jengkal di ubun-ubun kepala. Kalau tidak ingat, bahawa keberadaanku di kota seribu menara ini adalah amanat. Dan amanat akan dipertanggungjawabkan dengan pasti. Kalau tak ingat, bahawa masa muda yang sedang aku jalani ini akan dipertanyakan kelak. Kalau tak ingat, bahawa tidak semua orang diberi nikmat belajar di bumi para nabi ini (Habiburrahman 2008: 21).

Penulis juga dapat memperlihatkan bahawa akidah amat penting dalam Islam apabila terpaksa mengahwini Maria yang sedang sakit tenat. Cara penulis memasukkan unsur-unsur Islamiah yang berkaitan akidah ini amat menyentuh perasaan. Seperti mana yang digambarkan dalam mimpi Maria yang dijemput di pintu syurga tetapi tidak dibenarkan masuk tanpa kuncinya, iaitu kalimah syahadah yang menandakan keislaman seseorang, walaupun Maria sendiri telah menghafal beberapa juzuk ayat Al-Quran, namun tanpa mengucap dua kalimah syahadah dia dianggap masih bukan Islam. Penulis dengan begitu teliti memasukkan dialog antara Maryam dan Maria (Habiburrahman 2008: 400) “Akhirnya hati Bunda Maryam luluh. Dia duduk dan mengelus kepalaku dengan penuh kasih sayang. “Maria dengarkan baik-baik! Nabi Muhammad s.a.w telah mengajarkan kunci masuk syurga. Dia bersabda:

Barang siapa berwuduk dengan baik, kemudian mengucapkan: Asyhadu an la ilaaha illallah wa asyhadu anna Muhammadan abduhu warasuluh (Aku bersaksi tiada Tuhan selain Allah dan aku bersaksi sesungguhnya Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya) maka akan dibukakan delapan pintu syurga untuknya dan dia boleh masuk yang mana ia suka (Habiburrahman 2008: 401).

Dialog yang dimasukkan bersumberkan kepada Hadis ini amat menyentuh perasaan pembaca, di mana walau sebaik mana pun seseorang manusia itu, tanpa kalimah syahadah Islamnya adalah tidak sah.

## Solat

Solat atau sembahyang amat penting bagi umat Islam dalam menjaga akhlak Islam. Solat menjadi tiang agama kepada setiap umat Islam. Penganut agama Islam yang menjaga solatnya akan sentiasa memastikan dirinya sentiasa mengikut ajaran Islam. Pengarang menggunakan solat sebagai tanda kepada pegangan agama yang dimainkan oleh watak dalam karya. Memasukkan solat sebagai satu unsur penting dalam karya secara tidak langsung dapat mengajak pembaca untuk turut mengamalkan ibadah ini. Pak Hasan misalnya, watak utama dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* sentiasa menjaga solatnya dan turut juga berjemaah di surau Desa P.S. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Dari rumahnya, Pak Hasan dapat mendengar dengan jelas gema kentung yang dipalu ketika masuknya waktu sembahyang maghrib. Dia sudah mengambil air sembahyang sejak setengah jam yang lalu. Sementara menanti kentung maghrib berbunyi, Pak Hasan duduk di atas tikar sembahyang sahaja (Anwar 1994: 85).

Pengarang bukan sahaja menggambarkan tentang penjagaan solat ini melalui watak Pak Hasan tetapi juga melalui penduduk Desa P.S, iaitu latar dalam novel ini. Penduduk kampung sentiasa ke surau untuk berjemaah, malahan turut diadakan syarahan agama bagi membersihkan jiwa dan memberi peringatan kepada mereka tentang agama Islam. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa petikan berikut:

Pak Hasan masih ingat, ketibaan Muhamarram tahun ini, tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, disambut dengan sederhana sekali. Pada tahun-tahun sebelumnya, selepas isyak, penduduk desa membaca surah Yasin sempena kedatangan tahun baru Islam pada sebelah malam ketibaan Muhamarram; dan keesokan harinya seorang guru agama dijemput memberikan syarahan agama tentang erti bulan Muhamarram kepada umat Islam. Turut disentuh ialah peranan Nabi Muhammad s.a.w menyebar serta mengembangkan agama Islam, pahit manisnya dalam menjalankan suruhan Allah dan kejayaannya membangunkan kota Madinah. Syarahan tersebut diadakan pada waktu siang, mulai kira-kira jam sebelas pagi sampailah kira-kira jam dua belas setengah hari. Sesudah itu diadakan sembahyang zuhur berjemaah dan kemudiannya makan tengah hari (Anwar 1994: 57).

Daripada petikan tersebut dapat dilihat penduduk kampung meniti beratkan agama Islam dalam kehidupan mereka. Kedatangan tahun baru Islam disambut dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah dan menyambutnya secara sembahyang jemaah di surau dan mengadakan ceramah agama. Malahan berkat bimbingan serta ceramah agama yang selalu diadakan di surau juga telah mendatangkan kesan kepada Pak

Hasan dalam mengerjakan sembahyang dengan penuh khusyuk:

Daripada Imam Mahali dia mendapat bimbingan agar jika mahu lebih khusyuk lagi, ketika membaca Al-Fatihah, dalam hati sebutkanlah makna ayat-ayat itu dalam bahasa Melayu (Anwar 1994: 85).

Begitu juga dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* karya Faisal Tehrani, yang memasukkan Salsabila sentiasa berusaha menjadikan dirinya seorang Muslim sejati. Dia sering sembahyang bertahajud pada malam hari. Bagi Salsabila, dia mendapat kekuatan menghadapi kehidupan dunia di samping perjalannya menuju ke akhirat. Contoh penggunaan perkataan solat dalam karya beliau ialah:

Mengesat keringat dengan tuala, bangun menghidupkan kipas dan mandi serta mengambil wuduk. Saya lawan kedinginan lantas menyarung telekung, mendirikan solat tahajud dan tahajud dan tahajud (Faisal 2004: 99).

Pengarang memasukkan solat sebagai satu perkara yang penting dalam kehidupan umat. Cara pengarang mengolah bagaimana solat membantu menguatkan jiwa watak sedikit-sebanyak dapat meninggalkan kesan mendalam dalam jiwa pembaca.

## Tawakal

Tawakal bermaksud berserah dan percaya kepada ketentuan Allah SWT dalam semua urusan. Insan yang sentiasa bertawakal ialah insan yang sedia menerima segala ketentuan Tuhan dengan reda. Ini secara tidak langsung dapat mendidik manusia ke arah jalan yang lebih teratur dan tabah dalam menghadapi sebarang dugaan. Penggunaan ciri-ciri yang berkaitan dengan tawakal dalam novel bukan sahaja dapat menjadikan sesuatu jalan cerita itu menarik, tetapi juga dapat menyelami jiwa pembaca dalam mengaitkan jalan cerita tersebut dengan kehidupan sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam karya Faisal Tehrani, iaitu:

*Tawakal* ada tiga jenis. Pertama mengenai qismah atau nasib takdir, itulah garis yang ditetapkan Allah di Lauhul Mahfuz, maka wajib menerima. Kedua dalam hal berjuang, mendepani suasana genting dan ketika uzur maka bertawakal itu penting, tidak harus ada sedikit pun ragu-ragu. Bulatkan keyakinan diri, berusaha dan bertawakal (Faisal 2004: 362).

*Tawakal* ini katanya mak, memastikan kita berusaha bersungguh-sungguh kemudian baru menyerah segala keputusan kepada Allah. Di sini juga dipetik ayat 23 surah al-Maidah (Faisal 2004: 362).

Hal ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi pemikiran pembaca dan juga sedikit-sebanyak dapat membentuk jiwa yang tenang. Pengaruh penghayatan sebegini bukan sahaja dapat membantu memperkasakan modal insaniah seseorang individu dalam kehidupan tetapi juga boleh membantu dalam mengatasi masalah keruntuhan moral yang sedang dihadapi hari ini.

## Doa

Doa selepas sembahyang amat dituntut agar jiwa kita sentiasa dekat dengan Allah SWT, di samping memohon perlindungan dan rahmat daripada-Nya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Imam Mahali mengepalai wirid dan selepas itu memohon doa yang panjang dalam bahasa Arab. Sebelum mengakhiri doa, berbeza dari malam-malam yang lain, tiba-tiba Imam Mahali memanjatkan doanya dalam bahasa Melayu pula (Anwar 1994: 84).

Pak Hasan turut berdoa untuk kesejahteraan roh isterinya di alam barzakh:

Lelaki tua itu membaca surah Al-Fatihah dengan perlahan sebelum memanjatkan doa kepada Allah, memohon agar roh isterinya akan ditempatkan Allah bersama roh hamba-hamba-Nya yang dikasih (Anwar 1994: 85).

## Syarak

Selain akidah, syarak juga memainkan peranan yang amat penting dalam Islam. Syarak merupakan perundangan daripada Allah untuk manusia yang telah dilantik sebagai khalifah-Nya di atas muka bumi ini, dijadikan sunnatullah (*law of nature*) sehingga tiada satupun yang dijadikan Allah SWT yang terlepas dari sunnatullah itu. Sunnatullah yang menentukan peredaran jutaan planet di atas paksi di angkasa lepas. Bumi misalnya mengelilingi matahari dan berputar pada paksi sehingga terjadi malam dan siang. Hal ini terus berlaku sehingga hari kiamat, iaitu apabila sunnatullah dimansuhkan oleh Allah SWT dan *graviti* yang mengawal pergerakan langit dan bumi ditarik kembali oleh Allah SWT. Manusia secara khusus, dari segi fizikalnya, tertakluk kepada sunnatullah seperti memerlukan makan, tidur, minum dan sebagainya. Akan tetapi dari segi rohaninya manusia diwajibkan patuh kepada syarak. Kuasa memilih diberikan kepada manusia untuk memilih sama ada mahu mengikuti syarak atau tidak. Hanya mereka yang beriman dan bertakwa sahaja

yang benar-benar dapat melaksanakan fungsi manusia sebagai khalifah Allah SWT yang mematuhi syarak (Mustafa 1995: 71).

Habiburrahman dalam novel *Ayat-ayat Cinta* turut memasukkan unsur-unsur syarak dalam novel tersebut. Unsur-unsur syarak yang dimasukkan dalam dihayati oleh pembaca dengan begitu jelas sekali, misalnya ketika Fahri bermimpi bertemu Abdullah Masud, dimasukkan oleh pengarang elemen yang dikaitkan dengan dalil-dalil, seperti:

Semuanya atas izin Allah SWT Kisah para sahabat dan ulama salafush shaalih menjadi bukti dan kenyataan yang terang tiada keraguan seperti terangnya cahaya matahari di waktu siang (Habiburrahman 2008: 185).

Begitu juga ketika Fahri menerima berita bahawa Nurul amat mencintanya, sedangkan dia baru menikah dengan Aishah, pengarang dengan begitu teliti memasukkan elemen hukum menunaikan janji dan hukum menyakiti perasaan orang lain. Hal ini dapat dilihat dalam petikan:

Dalam tangisku aku merasa masalah Nurul ini adalah cubaan besar bagi komitmenku ke atas semua kata-kataku di rumah Syeikh Utsman. Cubaan cinta dan kesetiaanku kepada Aishah. Bisa saja aku nekad membatalkan kesepakatan dan semua rencana yang telah ditetapkan seperti dalam filem India. Akad nikah toh belum terjadi. Mahar belum aku bayarkan.....Tapi jika aku melakukan hal itu, namaku akan ditulis dengan lumpur hitam berbau busuk dalam sejarah. Aku akan menjadi orang munafik paling menyakitkan orang-orang yang kucintai dan kuhormati....Dan kelak ketika aku bertemu Baginda Nabi beliau akan murka padaku karena aku telah menyakiti perasaan sekian banyak umatnya (Habiburrahman 2008: 232).

Pengarang turut memasukkan hukum menjaga amanah yang diberikan seperti dalam petikan di bawah:

Hari ketika manusia digiring di padang Mahsyar dengan matahari hanya satu jengkal di ubun-ubun kepala. Kalau tidak ingat, bahawa keberadaanku di kota seribu menara ini adalah amanat. Dan amanat akan dipertanggungjawabkan dengan pasti. Kalau tak ingat, bahawa masa muda yang sedang aku jalani ini akan dipertanyakan kelak. Kalau tak ingat, bahawa tidak semua orang diberi nikmat belajar di bumi para nabi ini (Habiburrahman 2008: 21).

## Akhhlak

Akhhlak secara ringkas sebagai asas budi bahasa Islam, boleh didefinisikan tingkah laku yang mulia dan terpuji yang digubal oleh Allah dan sekali gus merupakan wahyu untuk dihayati, dilaksanakan dan diamalkan oleh manusia sehingga menjadi adat kebiasaan. Perlakuan akhhlak

tidak memerlukan pertimbangan akal dalam pelaksanaannya kerana telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti yang telah tercatat dalam Al-Quran dan Sunnah. Akhlak telah ditentukan Tuhan kepada manusia bagi menandakan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang paling sempurna. Manusia diberi kebebasan untuk menentukan baik buruk akhlak masing-masing berlandaskan kepada hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Hanya orang yang beriman dan bertakwa sahaja yang selalunya akan memilih akhlak yang terpuji. Imam al-Ghazali ketika memberi definisi akhlak menekankan hal ehwal yang terpahat dalam jiwa manusia yang memancarkan perlakuan bersahaja tanpa berfikir.

Al-Ghazali menambah bahawa akhlak berpusat di hati atau di jiwa. Dari hati itulah terpancar akhlak yang terpuji atau yang keji. Bukan hanya bergantung kepada perbuatan semata-mata seperti berbudi bahasa dan dermawan. Jika tidak datang dari hati perbuatan itu adalah riak dan tidak kekal seperti berbudi bahasa dan menghulurkan derma di hadapan orang dan untuk tujuan kebendaan seperti untuk mendapat kepujian. Justeru, akhlak lebih menekankan hati dan keikhlasan. Keikhlasan melambangkan kebebasan memilih dan kerelaan hati. Jika tidak ikhlas, ia bukan dinamakan akhlak kerana wujud paksaan, dibuat-buat dan hilanglah kebebasan. Jatuhlah tarafnya sebagai adat kebiasaan sahaja, untuk menunjuk-nunjuk dan sebagainya. Hati nuranilah yang membisikkan dan merangsang untuk berbudi bahasa mulia, bukan rangsangan dari luar. Apabila budi bahasa mulia dilaksanakan, seseorang itu akan merasa puas dan bahagia. Jika dirangsang oleh faktor tidak akan mendatangkan kepuasan dan merasa kecewa apabila apa-apa yang diharapkan daripada budi bahasa yang disumbangkan tidak tercapai.

Hati nurani yang dipandu oleh wahyu, iaitu akhlaklah yang mendorong untuk melakukan sesuatu. Imam al-Ghazali selanjutnya merujuk hadis yang membuktikan bahawa akhlak dan budi bahasa itu berpusat di hati iaitu “*bahawa dalam tubuh itu ada sepotong. Apabila ia baik, nescaya baiklah seluruh bahagian tubuh yang lain*” (Imam al-Ghazali 1980: 24). Maksud seketul daging itu ialah hati. Dari segi jasmani hati adalah segumpal daging yang berbentuk bulat bujur, letaknya di sebelah kiri dada. Ia mengandungi rongga-rongga yang berdarah hitam. Dari segi rohani pula, hati adalah sumber roh, jiwa atau nyawa yang menyempurnakan hakikat kemanusiaan.

## Menghormati Sesama Insan

Menghormati sesama insan merupakan akhlak yang dituntut dalam agama Islam. Sebagai manusia, kita harus menghormati antara satu sama lain tidak kira bangsa atau agama. Misalnya dalam novel *Ayat-ayat Cinta* pengarang berjaya memasukkan unsur menghormati sesama insan ini melalui watak Aishah dan Fahri. Aishah telah digambarkan mempunyai peribadi yang baik apabila dengan ikhlas memberikan tempat duduknya kepada perempuan tua Amerika yang bukan seagama, walaupun tindakannya itu tidak disenangi oleh beberapa pemuda Mesir yang amat benci kepada Amerika. Sikap Aishah tersebut bukan sahaja telah menunjukkan sikap dan akhlak tetapi juga telah membuka hati Alicia untuk mempelajari Islam dengan lebih lanjut. Perlakuan Aishah menghormati perempuan Amerika itu turut disokong oleh Fahri. Melalui kebijaksanaan Fahri, suasana tegang antara Aishah dan beberapa pemuda Mesir berkaitan tindakan Aishah dapat diselesaikan dengan baik dan aman. Peristiwa itu dapat dilihat dalam petikan berikut:

Nenek mat saleh kelihatannya tidak kuat lagi berdiri. Ia hendak duduk menggelongsor di lantai. Belum sampai nenek mat saleh itu benar-benar menggelongsor, tiba-tiba perempuan purdah itu berteriak mencegah: Mom, wait! Please, sit down here! Perempuan berpurdah bersih itu bangkit dari duduknya. Si nenek dituntun dua orang anaknya beranjak ke tempat duduk... Cuaca memang panas dan meletihkan. Semuanya keletihan. Dalam keadaan letih terkadang susah untuk mengalah. Dan itu sangat berperikemanusiaan. “Busy! Hei perempuan berpurdah, apa yang kau lakukan!”. Pemuda berbaju kotak-kotak bangkit dengan muka merah. Ia berdiri tepat di samping perempuan berpurdah dan membentaknya dengan kasar. Rupanya ia mendengar dan mengerti percakapan mereka berdua (Habiburrahman 2008: 34-35).

## Menjaga tatatertib dalam Hubungan Sesama Insan

Islam telah menetapkan batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Hubungan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim tidak boleh dijalin dengan sewenang-wenang. Adalah haram bagi lelaki dan wanita yang bukan muhrim bersentuhan antara satu sama lain. Tatatertib ini telah digambarkan dengan baik oleh penulis dengan memasukkan peristiwa Fahri dihulurkan salam perkenalan oleh Alicia.

Ia tersenyum sambil menghulurkan tangannya kepadaku dan berkata “Hai Indonesian, thank’s for everything. My name’s Alicia.” “Oh, you’re welcome. My name is Fahri,” jawabku sambil menangkupkan kedua tanganku di depan

dada, aku tidak mungkin menjabat tangannya.” “Ini bukan bererti saya tidak menghormati anda. Dalam ajaran Islam, seorang lelaki tidak boleh bersalaman dan bersentuhan dengan perempuan selain isteri dan mahramnya.” Aku menjelaskan agar dia tidak salah faham (Habiburrahman 2008: 51).

Kepalanya menggeliat, dan perlahan-lahan ia membukakan kedua matanya. Aku memegang kedua tangannya sambil kubasahi dengan air mataku. “F..f.. Fahri...?”. “Ya, aku di sisimu Maria.” Entah mendapatkan kekuatan dari mana Maria boleh berbicara meskipun dengan suara yang lemah. “Aku mendengar kau berkata bahawa kau mencintaiku, benarkah?” “Benar. Aku sangat mencintai, Maria.” “Kenapa kau pegang tanganku? Bukankah itu tidak boleh?” “Boleh! Kerana kau sudah jadi isteriku.” “Apa?” “Kau sudah jadi isteriku, jadi aku boleh memegang tangamu (Habiburrahman 2008: 461).

Pengarang telah berjaya memasukkan akhlak berkenaan dengan hubungan antara lelaki dan perempuan seperti mana yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Tatacara dan adab sopan yang perlu dijaga dalam hubungan antara lelaki dan perempuan telah dimasukkan oleh pengarang dengan begitu bersahaja dan tegas. Ini bukan sahaja dapat menjelaskan hukum yang perlu dipatuhi, tetapi juga dapat memberi pengajaran dan panduan kepada pembaca betapa peri pentingnya hubungan lelaki dan perempuan dijaga mengikut sunnah.

### Menutup Aurat

Islam amat mementingkan aurat dalam kehidupan sehari-hari. Hukum mengenai aurat lelaki dan perempuan telah ditetapkan bagi menjaga tatasusila dan keamanan. Aurat bagi perempuan Islam telah ditetapkan kepada muka dan dua tapak tangan, manakala bagi lelaki pula auratnya ialah antara pusat hingga ke bawah lutut. Novel *Ayat-ayat Cinta* telah memasukkan unsur menutup aurat dengan begitu indah melalui watak-watak yang dijelmakan. Misalnya dalam petikan:

Perempuan berpurdah putih bersih itu bangkit dari duduknya. Nenek dituntun dua orang anaknya beranjak ke tempat duduk. Setelah si nenek duduk, perempuan mak saleh muda berdiri di samping perempuan berpurdah. Aku melihat pemandangan yang sangat jelas. Sama-sama perempuan. Yang satu auratnya tertutup rapat. Tak bahagian dari tubuhnya yang membuat jantung lelaki berdebar. Yang satunya memakai pakaian sangat ketat, semua lekak lekuk tubuhnya kelihatan, ditambah basah keringatnya mat saleh itu nyaris seperti telanjang.

Untungnya, Allah SWT masih menyelamatkan kehormatanku. Dalam rekaman itu, aurat paling aurat yang kumiliki sama sekali tidak terbuka. Tertutup rapat.

Untuk itu aku sangat berterima kasih kepada ibu dan nenek. Sejak kecil ibu mengajariku agar memiliki rasa malu kepada Allah melebihi rasa malu pada manusia. Ibu menanamkan sejak kecil untuk tidak telanjang bulat di mana pun juga. Meskipun sedang sendirian di kamar tidur atau kamar mandi. Jika mandi ibu mengajarkan untuk tetap memakai basahan. Orang-orang pilihan, kata ibu jika mandi tetap memakai basahan, tidak telanjang bulat. Ibu berkata jika kita malu aurat kita dilihat orang, maka pada Allah kita harus lebih merasa malu. Menurut cerita ibu, dan ibu dari nenek, di zaman nabi dulu, ketika nabi tahu ada orang mandi tidak memakai sarung, beliau langsung naik mimbar dan menyuruh umatnya untuk menutup aurat ketika mandi (Habiburrahman 2008: 34-35).

Berdasarkan petikan di atas, jelas bahawa aurat bukan sahaja hukum yang harus dipatuhi, malahan juga merupakan satu amalan yang baik yang boleh mengelakkan perkara-perkara yang buruk dari berlaku. Sesuai dengan perkembangan zaman moden ini yang penuh dengan kecanggihan, banyak sekali kes yang melibatkan pemasangan kamera tersembunyi di kamar tidur, kamar mandi dan tempat-tempat tersembunyi. Seperti yang sering berlaku dewasa ini, terutama dalam kalangan orang-orang terkenal yang diugut melalui rakaman-rakaman tersembunyi. Sama seperti Aishah yang terselamat daripada rakaman kamera Robin yang dipasang di bilik air. Oleh sebab Aishah mandi dengan menutup auratnya, maka keaiban dapat diselamatkan. Jika dibandingkan dengan cara kehidupan masyarakat hari ini, manusia seolah-olah telah lupa bahawa dengan menutup aurat akan dapat memberi perlindungan daripada berlakunya perkara-perkara yang kurang baik, terutama dalam pembentukan moral manusia. Menutup aurat bagaikan tidak penting lagi bagi manusia yang kononnya moden dan sofistikated, sehingga banyak pula berlaku kejadian sumbang mahram, perkosaan dan kejadian-kejadian lain yang tidak diingini.

### Tolong-menolong

Islam amat mementingkan hubungan persaudaraan sesama Islam. Tolong-menolong merupakan satu sifat mulia yang dituntut dalam Islam. Sikap tolong-menolong ini dapat mengeratkan ukhuwah sesama manusia. Dalam novel *Ayat-ayat-Cinta*, sikap tolong menolong banyak digambarkan melalui watak utama dan watak-watak pembantu yang lain. Fahri misalnya banyak membantu orang lain tidak kira sama ada orang itu Islam atau bukan Islam. Sikap ini dapat dilihat apabila Fahri membantu melepaskan diri Noura daripada bapanya yang melakukan penderaan fizikal dan seksual terhadap dirinya. Selain Fahri, Maria dan Nurul

turut membantu Noura mendapatkan perlindungan sewajarnya, dan juga membantu menemukan Noura dengan ibu dan bapa kandungnya yang sebenar. Noura sebenarnya bukan anak Bahadur dan *Madame Syaima*, tetapi merupakan anak Tuan Adel dan *Madame Yasmin*.

Sikap tolong-menolong juga dapat dilihat menerusi jiwa Maria yang tulus dan lembut. Walaupun dia bukan Islam, tetapi jiwnanya cenderung kepada Islam dan sentiasa berusaha mendalam Islam. Dia sanggup membahayakan dirinya membantu Noura yang dalam kesusahan sedangkan dia tahu risikonya jika Bahadur tahu. Peristiwa pada suatu malam, iaitu Noura dipukul dan diseret oleh Bahadur dan kakaknya hingga ke tengah jalan telah disaksikan oleh penduduk tetangga. Namun tidak seorang pun berani keluar membantu. Fahri ingin membantu Noura, tetapi dia sedar dia tidak dapat berbuat demikian memandangkan dia bukan mahram Noura. Fahri kemudiannya menghantar pesanan ringkas melalui telefon kepada Maria memohon agar Maria membantu menenangkan Noura dan menyelamatkan Noura daripada Bahadur. Walaupun Maria takut tetapi demi cintanya kepada Tuhan dia sanggup menolong Noura. Hal ini dapat dilihat melalui pesanan ringkas telefon bimbit yang dihantar oleh Fahri kepada Maria:

Kumohon turunlah dan usaplah air matanya. Aku paling tidak tahan jika ada perempuan menangis. Aku tidak tahan. Kumohon. Andaikan aku halal baginya tentu aku akan turun mengusap air matanya dan membawanya ke tempat yang jauh dari linangan air matanya selama-lamanya.” “Untuk yang ini jangan paksa aku, Fahri! Aku tidak boleh!” “Kumohon, demi rasa cintamu pada Al-Masih. Kumohon!” “Baiklah, demi rasa cintaku pada Al-Masih akan kucuba. Tapi kau harus tetap mengawasi dari jendelamu. Jika ada apa-apa kau harus berbuat sesuatu.” “Jangan khuatir. Tuhan menyertai orang yang berbuat kebajikan (Habiburrahman 2008: 78 ).

Dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, Penduduk Desa P.S digambarkan mempunyai sikap tolong-menolong sesama mereka jika ada antara mereka yang memerlukan pertolongan. Tolong-menolong dapat meringankan beban yang dihadapi oleh seseorang yang menghadapi masalah, dan hal ini sangat mulia di sisi agama Islam. Allah telah berfirman:

Tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, dan jangan sekali-kali kamu memberi pertolongan di atas perkara kejahatan dosa yang membawa kepada perseteruan, dan takut olehmu akan Allah. Sesungguhnya Allah akan mengenakan seksaan yang amat dahsyat (Surah *al-Maidah*: 2).

Semasa Pak Hasan mula-mula sampai ke Desa P.S, dia telah diberikan sebidang tanah sebagai tapak rumah untuk diduduki oleh Iman

Mahali. Tanah itu terletak antara tanah Ramli dengan tanah Pak Cik Bahari. Penduduk kampung tersebut kemudiannya telah menyumbangkan bakti mereka dengan bergotong-royong membuatkan sawah untuk Pak Hasan sekeluarga. Sikap mulia penduduk kampung ini telah meringankan beban Pak Hasan sebagai pendatang dari luar yang berhijrah ke kampung tersebut tanpa mempunyai apa-apa harta. Malahan setelah sawah tersebut siap, penduduk kampung itu sekali lagi telah menolong Pak Hasan mendalamkan dan membersihkan sawahnya agar anak-anak padi Pak Hasan tidak ditenggelami air semasa hujan lebat.

Petak sawah untuk lelaki itu – yang dibuat secara gotong-royong oleh penduduk desa – belum cukup dalam sedangkan hujan Monsun Timur Laut mulai turun dengan lebat. Jadi sekali lagi penduduk desa turun bergotong-royong mendalam serta membersihkan lagi sawah itu (Anwar 1994: 23).

Bukan setakat itu sahaja digambarkan sikap tolong-menolong penduduk kampung, mereka turut membantu Pak Hasan ketika dia menghadapi kesusahan. Selepas Senah dan Mat Junuh meninggalkan Pak Hasan tanpa khabar berita, makan minum Pak Hasan dijaga oleh keluarga Ramli. Setipa hari, anak Ramli, iaitu Aziz akan menghantar makanan ke rumah Pak Hasan. Mereka sekeluarga sangat mengambil berat tentang diri Pak Hasan dan menganggap Pak Hasan sebagai ahli keluarga mereka sendiri. Setelah menyedari Pak Hasan tidak pulang ke rumahnya semalam, keluarga Ramli bertindak cepat menghebahkannya kepada penduduk kampung dan mencari Pak Hasan beramai-ramai jauh ke dalam kampung dan hutan. Akhirnya mayat Pak Hasan dijumpai oleh Pak Cik Bahari di dalam parit di kebun milik Pak Cik Bahari.

### Menghormati wanita

Allah SWT menjadikan Hawa daripada tulang rusuk kiri Nabi Adam AS. Wanita mendapat tempat yang baik dan mendapat pembelaan yang sewajarnya di sisi agama Islam. Hal tentang wanita dalam Islam dapat dilihat melalui dialog antara Fahri dengan Alicia. Alicia banyak bertanyakan Fahri tentang kemosyikannya mengenai wanita dalam Islam. Ini kerana di Barat ada satu pandangan yang mengatakan bahawa Islam menyuruh seseorang suami itu memukul wanita dan menurut orang Barat suruhan itu terdapat dalam Al-Quran. Alicia mengatakan tindakan ini adalah tindakan yang tidak beradab dan sangat menghina kaum wanita. Pendapat sebenarnya banyak diperkatakan oleh masyarakat Barat. Mereka sering berpandangan negatif terhadap perkara ini. Oleh demikian, Fahri cuba menjelaskan sebaik mungkin kepada Alicia untuk

menjernihkan perkara yang disalah anggap oleh masyarakat Barat.

Fahri menjelaskan kepada Alicia bahawa pandangan Barat itu tidak benar, dan Rasulullah dalam hadis bersabda: “Jangan kalian pukul kaum perempuan.” “Sebaik-baik lelaki atau suami adalah yang berbuat baik kepada isterinya.” (Habiburrahman 2008: 104) Sebenarnya dalam Al-Quran ada ayat yang mengatakan bahawa suami boleh memukul isterinya tetapi ada syarat-syaratnya seperti isteri yang macam mana harus dipukul, apa tujuannya dan bagaimana cara memukulnya. Seorang suami dibolehkan memukul isterinya jika kelihatan tanda-tanda nusyuz pada isterinya. Isteri yang nusyuz ialah isteri yang menderhaka kepada suami, tidak menghormati suami, mencintai, menjaga dan memuliakan suaminya. Demi menyelamatkan rumah tangga, pertamanya suami hendaklah menasihati isteri baik-baik dengan lembut, kedua jika tidak berhasil suami boleh memisahkan tempat tidurnya dengan isterinya. Ketiga jika isterinya masih berdegil, suami barulah boleh memukul isterinya. Memukul isteri pun ada caranya. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Yang sering tidak difahami oleh orang ramai adalah cara memukul yang dikehendaki Al-Quran ini. Tidak boleh sembarang. Suami boleh memukul dengan syarat: “Pertama, telah menggunakan dua cara sebelumnya namun tidak berhasil. Tidak diperbolehkan terus main pukul. Isteri salah sedikit main pukul. Ini jauh dari Ismail, jauh dari tuntutan Al-Quran. Dan Islam tidak bertanggung jawab atas kezaliman seperti itu.” “Kedua, tidak boleh memukul muka. Sebab muka seseorang adalah segalanya bagi manusia. Rasulullah melarang memukul muka.” “Ketiga, tidak boleh menyakitkan.” Rasulullah S.A.W bersabda: “Bertakwalah kepada Allah dalam masalah perempuan (isteri). Mereka adalah orang-orang yang membantu kalian. Kalian mempunyai hak pada mereka, iaitu mereka tidak boleh menyentuhkan tempat tidur kalian lelaki yang kalian benci. Jika mereka melakukan hal itu, maka kalian boleh memukul mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan. Dan kalian mempunyai kewajipan pada mereka, iaitu memberi rezeki dan memberi pakaian yang baik (Habiburrahman 2008: 106).

Fahri turut menjelaskan lagi:

Bila seorang suami diperbolehkan memukul? Pada isteri macam mana? Syarat memukulnya apa dia? Tujuannya apa? Itu semua haruslah diperhatikan dengan saksama. Memukul seorang isteri jahat tak tahu diri dengan pukulan yang tidak menyakitkan agar ia sedar kembali demi keutuhan rumah tangga, apakah itu tidak jauh lebih mulia daripada membiarkan isteri berbuat seenak nafsunya dan menghancurkan rumah tangga? (Habiburrahman 2008: 7).

## Biadab

Sikap biadab merupakan sikap kurang ajar seseorang itu terhadap orang lain. Misalnya seorang itu memarahi orang lain dengan kata-kata kurang sopan dan kasar di hadapan khalayak. Sikap ini amat dikeji dan umat Islam dilarang melakukan perbuatan biadab ini dalam pergaulan seharian. Sikap biadab ini dapat dilihat melalui perlakuan polis-polis terhadap Fahri ketika Fahri ditahan di dalam penjara. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Cepat-cepat aku menutup aurat. Si Kumis menyuruh aku berdiri tegap dengan tangan diletakkan di belakang punggung. Si Hitam memegang kedua tanganku yang kulipat di belakang punggung kuat-kuat. Sementara Si Gedempol itu mengikat kedua kakiku. Lalu dengan sangat kurang ajar Si Kumis mempermainkan kemaluanku. Aku menjerit-jerit dan meronta-ronta. Meludahi Si Kumis. Tapi mereka terus saja ketawa terbahak-bahak seperti syaitan (Habiburrahman 2008: 373).

Ini yang digunakan untuk memperkosa itu oh... oh... oh! Burung kakak tua... hehehe... kecil sekali tak ada apa-apanya dengan milikku... hehehe... tapi berani kurang ajar ya, hehehe... hahaha...!” Kata Si Kumis sambil terus mempermainkan kemaluanku (Habiburrahman 2008: 373-374).

Petikan di atas menunjukkan perlakuan biadab polis-polis terhadap Fahri semasa di penjara. Fahri mengadu hal ini kepada Hamada, Ismail dan Prof. Abdul Rauf semasa mereka menziarahi Fahri di penjara. Hal ini mendatangkan kemarahan kepada Prof. Abdul Rauf. Kemarahan Prof. Abdul Rauf dapat dilihat dialog ini:

Mereka memang sangat biadab. Lebih biadab dari Iblis! Dan apa yang kau terima masih belum seberapa dibandingkan para ulama yang diseksa habis-habisan tahun enam puluhan. Bahkan ada dua orang ulama yang ditentangi dan dipaksa melakukan perbuatan kaum Nabi Luth. Tentu saja mereka tidak mahu melakukan perbuatan terukut itu. Akhirnya mereka berdua mati syahid jadi santapan anjing ganas yang lapar (Habiburrahman 2008: 384).

Sikap biadab polis juga dapat dilihat semasa peristiwa di rumah Aishah. Ketika itu polis datang ke rumah Aishah untuk mengambil keterangan Aishah berkenaan dengan Fahri. Polis tersebut telah cuba memperkosa Aishah tetapi nasib Aishah baik apabila diselamatkan oleh dua orang polis yang menjaga apartmen. Magdi memberitahu perkara ini kepada Fahri:

Akhirnya kuizinkan dia naik. Namun aku dan Hosam berfirasat tidak baik dan curiga dengan tindak-tanduknya. Diam-diam kami naik juga ke atas mengekorinya yang menggunakan lif yang satu lagi. Sampai di tingkat 7 kami terkejut oleh teriakan Madame Aishah. Kami berdua langsung menendang pintu sekutu tenaga. Dan kami ruang tamu hendak memperkosanya. Seketika itu juga dia kami tangkap di penyangak itu! (Habiburrahman 2008: 390).

Sikap biadab banyak sekali dipaparkan oleh pengarang menerusi watak Bahadur. Bahadur digambarkan seorang yang biadab dengan percakapannya yang kurang sopan dan kasar. Perlakuan kasar Bahadur dapat dilihat semasa dia memarahi Maria kerana menyelamatkan Noura. Beberapa dialog berikut menggambarkan sikap biadab Bahadur:

Hai Maria bicara kau! Kalau tidak kusumbat mulutmu dengan sandal!” si Muka Dingin menyalak keras seperti anjing.

Hmm...jadi begitu. Anak itu memang keras kepala dan menjengkelkan bukan? Kau saja dibuat jengkel. Aku ayahnya dibuat jengkel setiap hari. Kalau aku temuinya akan kubunuh anak itu biar tidak membuat jengkel lagi (Habiburrahman 2008: 140).

Sikap biadab juga boleh dilihat melalui sikap Ashraf semasa menuduh Aishah sebagai perempuan pelacur. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Meskipun kau berpurdah dan membawa mashaf ke mana-mana, nilaimu tak lebih dari seorang syarmuthah!” umpat lelaki berpakaian kelabu.

Ini sudah keterlaluan. Menuduh seorang perempuan baik-baik sehina pelacur tidak boleh dibenarkan (Habiburrahman 2008: 37).

Menuduh seorang wanita yang baik sebagai pelacur adalah keterlaluan, dan sikap ini sangat dibenci oleh Allah SWT.

## Fitnah

Dalam Islam, fitnah itu ibarat memakan daging saudara sendiri atau dosanya sama seperti membunuh saudara Islam yang lain. Dalam *Ayat-ayat Cinta*, angkara fitnah daripada Noura telah membuatkan Fahri ditangkap dan dimasukkan di penjara. Sementara menunggu perbicaraan, Fahri telah menerima pelbagai penderitaan seperti menerima cemuhan dan penderaan fizikal dan seksual di penjara. Noura telah memfitnah dia dan Fahri telah mengadakan hubungan intim sehingga dia mengandung anak zina. Noura mengatakan dia sudah memohon Fahri bertanggungjawab menikahinya tetapi Fahri enggan. Sebaliknya Fahri menuduhnya sebagai

pelacur dan mengatakan wang sebanyak 20 pound yang diberi kepadanya sebagai harga dirinya. Sungguh melampau sekali fitnah yang dilemparkan oleh Noura kepada Fahri. Petikan berikut menggambarkan peristiwa ini:

Saya telah beberapa kali minta pertanggungjawabannya dan menyelesaikan masalah ini dengan baik-baik. Saya menuntut janjinya mahu mengahwini saya, ternyata ia menipu. Ia bahkan menuduh saya pelacur. Wang dua puluh pound yang dia beri itu ia anggap sebagai harga diri saya. Betapa remuk dan hancur saya. Dia malah menikah dengan seorang gadis Turki. Dia benar-benar manusia yang sangat busuk hatinya. Saya minta kepada mahkamah untuk memberikan hukuman yang setimpal dengan perbuatan terkutuknya! Akibat fitnah yang dilemparkan itu Fahri telah mendapat cacian dan makian daripada orang-orang Mesir.

Orang-orang Mesir mencaci-maki diriku dengan kata-kata kotor. Seorang ibu setengah umur bahkan melempar botol air mineral dan mengenai mukaku. Polis yang mengawalku tidak begitu peduli. Di dalam penjara aku teringat Aishah yang tadi jatuh pengsan. Aku takut keadaan fiziknya berpengaruh pada janin yang dikandungnya (Habiburrahman 2008: 410).

Peristiwa fitnah ini juga boleh dikaitkan dengan kisah Nabi Yusuf AS yang telah digoda oleh Zulaikha. Peristiwa tersebut dapat dilihat Surah *Yusuf* (12:24) yang terjemahannya seperti di bawah:

Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginan kepada perempuan itu kalauolah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan dunia itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan Yusuf daripada perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hama kami yang dibersihkan dari segala dosa.

## Rumusan

Peranan karya sastera dalam menuju ke arah pemerkasaan modal insan ini tidak boleh dipandang remeh. Penggunaan bentuk kata dan tema yang sesuai dalam membentuk jiwa dan pandangan pembaca akan menentukan corak pemikiran mereka di masa hadapan. Bahasa dan sastera secara seiring memainkan peranan dalam proses pembentukan akhlak. Pembentukan akhlak adalah amat penting dalam memperkasakan modal insan. Akhlak yang mulia dapat menjamin masa depan yang cemerlang dan gemilang. Ini adalah kerana kesedaran manusia terhadap alam sekeliling dan dunia serta akhirat adalah berpunca daripada akhlak yang mulia. Melalui akhlak yang terpuji manusia akan sentiasa muhasabah diri dan akan sentiasa berusaha untuk membaiki diri ke arah yang lebih baik. Pembentukan akhlak islamiah

adalah satu cara mendidik sesuatu budaya bangsa agar menjadi sebuah bangsa yang aman, tenteram dan bertoleransi antara satu sama lain. Untuk menjaga keamanan dan saling hormat-menghormati, akhlak memainkan peranan yang amat penting. Penerapan unsur-unsur Islamiah yang dimuatkan dalam novel menjadi satu cara untuk membentuk budaya bangsa yang berakhlik tinggi.

## Rujukan

- Annas Haji Ahmad. 1984. *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Kuala Lumpur: Syarikat Cahaya.
- Anwar Ridwan. 1994. *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. 2004. *Tunggu teduh dulu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Selain.
- Habiburrahman El Shirazy. 2008 (Cetakan Ke-8). *Ayat-ayat Cinta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Hamka. 1976. *Lembaga Budi*. Melaka: Abas Bandung.
- Imam al-Ghazali. 1980. *Ihya Ulum al-Din (Terjemahan)*. Indonesia: Penerbit Asli.
- Mustafa Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peirce, Charles Sanders. 1965. *Collected Papers Charles Sanders Peirce* (Vol. I & II). Cambridge Massachusett: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2007. Ikon Pak Hassan dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*: Satu Kajian Semiotik. *Jurnal Pangura: Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara* 25(13): 8-18.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2007. Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajaran Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajaran Melayu.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2009. Antara Dua Deru: Indeksikal Tanda-tanda Kehidupan. *Seminar Sasterawan Negara Arena Wati 2009*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

